

PENGHASILAN MODUL KOMUNIKASI JURU UKUR TANAH

YEE WUI CHEE

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00079349 1

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS^v

JUDUL: PENGHASILAN MODUL KOMUNIKASI JURU UKUR TANAH

SESI PENGAJIAN: 2002/2003

Saya YEE WUI CHEE
(HURUF BESAR)


mengaku membenarkan tesis (~~PSM/Sarjana/Doktor Falsafah~~) ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:
68, Komplek Jitra,
06000 Jitra,
Kedah Darulaman.

Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENYELIA)


Encik Ahmad B. Esa
Nama Penyelia

Tarikh: 27 September 2002

Tarikh: 27 September 2002

- CATATAN
- Potong yang tidak berkenaan
 - Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatukan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

"Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional".

Tandatangan : 
Nama Penyelia : En. Ahmad b. Esa
Tarikh : September 2002

**PENGHASILAN MODUL KOMUNIKASI
JURU UKUR TANAH**

YEE WUI CHEE


**Laporan Projek Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER, 2002

PENGAKUAN

"Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

Tandatangan : 
Nama Penulis : Yee Wui Chee
Tarikh : September 2002

DEDIKASI

Khas buat.....

*Ayah, emak dan keluarga tersayang,
Kakak dan Adik yang Mendorong
Abang yang memahami
Jasa kalian sentiasa dalam ingatan
Semoga bahagia selalu.*

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada pembimbing projek sarjana iaitu Encik Ahmad Esa atas segala bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh projek sarjana ini dibuat. Penulis juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Encik Kamarolzaman Mohd. Jidi selaku penyelia projek sarjana I. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan saya kerana banyak memberikan komen dan panduan mengenai modul dan penulisan projek.

Kerjasama daripada pihak pengurusan firma-firma ukur tanah amatlah dihargai kerana banyak memberikan kerjasama semasa projek dan penilaian modul dijalankan. Penulis juga ingin berterima kasih kepada Encik Shamsaadal Sholeh B. Saad yang memberikan komen dan panduan tentang soal selidik bagi projek sarjana ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek sarjana ini. Tanpa kerjasama anda sekalian, projek sarjana ini tidak bermakna seperti yang sedia ada.

ABSTRAK

Projek ini dilakukan untuk menghasilkan modul komunikasi bagi juru ukur tanah. Untuk mencapai tujuan tersebut, satu kajian telah dijalankan di firma-firma ukur Negeri Johor untuk meninjau bentuk dan cara komunikasi yang diperlukan oleh juru ukur semasa berhubung dengan orang atasan, ahli pasukan kerja, rakan kerja yang setaraf dan pelanggan. Selain itu, kesan daripada kegagalan komunikasi juru ukur tanah dikenalpasti. Kajian ini juga melihat hubungkait antara faktor-faktor demografi dan kemahiran berkomunikasi juru ukur tanah. Hasil dapatan kajian menunjukkan komunikasi lisan paling banyak digunakan oleh juru ukur berbanding dengan kemahiran mendengar, komunikasi bertulis, komunikasi isyarat. Cara berkomunikasi yang paling banyak diamalkan ialah komunikasi bersemuka. Hasil kajian juga menunjukkan faktor-faktor demografi juru ukur tanah dengan kemahiran berkomunikasi tidak mempunyai hubungan positif. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa juru ukur tanah menghadapi masalah kegagalan komunikasi. Dapatan kajian tersebut digunakan sebagai rujukan untuk menghasilkan modul komunikasi. Modul komunikasi tersebut diharapkan dapat membantu juru ukur tanah memperbaiki hubungannya dengan orang atasan, ahli pasukan kerja, rakan kerja yang setaraf dan pelanggan. Secara keseluruhannya, modul komunikasi ini memenuhi keperluan juru ukur tanah untuk memperbaiki kemahiran berkomunikasi dan membentuk konsep asasnya mengenai kemahiran berkomunikasi.

ABSTRACT

The purpose of this project is to develop a Communication Module for Land Surveyor. A research was carried out at some land survey firm in Johor to search for the ways and methods of communication that needed by surveyors while building their relationship with their superiors, teammates, peers and customers. The research also want to find out whether miscommunication giving effect to surveyor and also the relationship between demographic factor and communication skill of a surveyor. The finding had showed that verbal communication has become the most frequent skill used by the surveyors instead of listening, writing and non-verbal message. Besides, face to face communication is the most practical method by the surveyors compare with listening, writing, and non verbal communication. The result has showed that there is no positive relationship between surveyor's demographic factors with his communicating skill. In addition, surveyors also having the problem of miscommunication. So this results became guide line module to land surveyors in order to help them to build up their relationship with others. Overall, this communication module fulfilled the requirements of surveyors in order to improve their communication skills and to build up a basic concept on communication skill.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	Pengenalan	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Soalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	5
	1.6 Skop Kajian	6
	1.7 Kepentingan Kajian	6
	1.8 Definisi Istilah dan Operasi	7
	1.9 Kerangka Teori	9
	1.10 Penutup	10

BAB 2	SOROTAN PENULISAN	11
2.1	Pengenalan	11
2.2	Kajian terdahulu	13
2.2.1	Persepsi Juru Ukur Tanah Terhadap Kemahiran Berkomunikasi Dalam Profesion Ukur	13
2.2.2	Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Yang Digunakan Dalam Organisasi	14
2.2.3	Cara Berkomunikasi	15
2.2.4	Kesan Kegagalan Komunikasi	16
2.2.5	Faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Komunikasi.	17
BAB 3	METODE KAJIAN	18
3.1	Pengenalan	18
3.2	Reka Bentuk Kajian	18
3.3	Sampel Kajian	19
3.4	Peralatan Kajian	19
3.5	Kaedah Analisis data	20
3.6	Kajian Rintis	22
3.7	Andaian	22
3.8	Limitasi kajian	22
BAB 4	REKA BENTUK PRODUK	24
4.1	Pengenalan	24
4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	24
4.3	Reka Bentuk Produk	25
4.3.1	Bentuk Dan Ciri-Ciri Produk	28
4.3.2	Pengguna Produk	29
4.3.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	29
4.3.4	Bahan Dan Kos Membina Produk	30
4.4	Penilaian Produk	30

4.4.1	Kaedah Penilaian Produk	30
BAB 5	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	32
5.1	Pengenalan	32
5.2	Analisis Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Juru Ukur Tanah Berhubung Dengan Orang Atasan	33
5.3	Analisis Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Juru Ukur Tanah Dengan Ahli Pasukan	34
5.4	Analisis Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Juru Ukur Tanah Dengan Rakan Kerja Setaraf	35
5.5	Analisis Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Juru Ukur Tanah Dengan Pelanggan	36
5.6	Analisis Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Juru Ukur Tanah Dengan Orang Atasan, Ahli Pasukan, Rakan Kerja Setaraf Dan Pelanggan	37
5.7	Analisis Cara Berkomunikasi Juru Ukur Tanah Dengan Orang Atasan	38
5.8	Analisis Cara Berkomunikasi Dengan Ahli Pasukan	39
5.9	Analisis Cara Berkomunikasi Dengan Rakan Kerja Setaraf	40
5.10	Analisis Cara Berkomunikasi Dengan Pelanggan	41
5.11	Analisis Cara Berkomunikasi Juru Ukur Tanah Dengan Orang Atasan, Ahli Pasukan, Rakan Kerja Setaraf Dan Pelanggan	42
5.12	Analisis Masalah Komunikasi Juru Ukur Tanah Dengan Orang Atasan, Ahli Pasukan, Rakan Kerja Setaraf Dan Pelanggan	43
5.13	Hubungan Data-data Demografi Dengan Kemahiran Komunikasi Dalam Profesion Ukur Tanah	44

5.13.1	Pengujian Hubungan Data-data Demografi Dengan Kemahiran Berkomunikasi Juru Ukur Tanah	44
5.14	Analisis Tahap Penerimaan Modul Komunikasi Juru Ukur Tanah.	45
5.15	Komen dan Cadangan Penilai	49
BAB 6	KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP	51
6.1	Pengenalan	51
6.2	Kesimpulan	51
6.2.1	Kesimpulan Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Juru Ukur Tanah Dengan Orang Atasan, Ahli Pasukan, Rakan Kerja Setaraf dan Pelanggan.	51
6.2.2	Perbincangan Cara Berkomunikasi Juru Ukur Tanah Dengan Orang Atasan, Ahli Pasukan, Rakan Kerja Setaraf dan Pelanggan	55
6.2.3	Kesimpulan Kesan Kegagalan Komunikasi Juru Ukur Tanah Dengan Orang Atasan, Ahli Pasukan, Rakan Kerja Setaraf dan Pelanggan	57
6.2.4	Kesimpulan Hubungkait Antara Faktor Demografi Dengan Kemahiran Berkomunikasi	58
6.2.5	Kesimpulan Tentang Penilaian Modul Komunikasi	59
6.3	Cadangan	59
6.4	Penutup	61
	RUJUKAN	63
	LAMPIRAN	
	LAMPIRAN A-G	66-104

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Taburan Soalan Mengikut Bahagian A, B, C, D, dan E.	20
3.2	Penentuan Jenis Analisis Yang Digunakan	21
4.1	Bahan dan Kos yang Digunakan Untuk menghasilkan produk	30
5.1	Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Dengan Orang Atasan	33
5.2	Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Dengan Ahli Pasukan	34
5.3	Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Dengan Rakan Kerja Setaraf	35
5.4	Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Dengan Pelanggan	36
5.5	Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Dengan Orang Atasan, Ahli Pasukan, Rakan Kerja Setaraf Dan Pelanggan	37
5.6	Cara Berkomunikasi Dengan Orang Atasan	38
5.7	Cara Berkomunikasi Dengan Ahli Pasukan	39
5.8	Cara Berkomunikasi Dengan Rakan Kerja Setaraf	40
5.9	Cara Berkomunikasi Dengan Pelanggan	41
5.10	Bentuk Kemahiran Berkomunikasi Dengan Orang Atasan, Ahli Pasukan, Rakan Kerja Setaraf Dan Pelanggan	42
5.11	Kesan Masalah Komunikasi Juru Ukur Tanah	43

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Elemen-elemen Yang Terlibat Dalam Proses Komunikasi: Sumber/Penerima, Mesej, Saluran, Maklum Balas, Gangguan, Konteks Dan Bidang Pengalaman.	9
4.1	Langkah-langkah Menghasilkan Modul	25

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Surat Rasmi	66
B	Reliability Analysis - <i>Scale (Alpha)</i>	67
C	Borang Soal Selidik	70
D	Penilaian Modul (senarai semak)	74
E	Dapatan Analisis Deskriptif Min dan Sisihan Piawai Pemboleh Ubah Kajian Analisis	76
F	Modul Komunikasi Juru Ukur Tanah	80
G	<i>Case Summaries</i>	81

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Masyarakat di dunia ini tidak boleh mengelakkan diri daripada berinteraksi dengan orang lain. Selain daripada ahli keluarga, manusia berhubung dengan manusia yang berlainan pada setiap hari termasuklah rakan sekerja, jiran, pihak atasan, kawan-kawan, saudara mara dan orang awam.

Pada era globalisasi, manusia dapat berhubung antara satu sama lain secara efektif dengan bantuan teknologi maklumat (kemudahan internet). Sebelum penggunaan internet diperkenalkan, manusia daripada dua kawasan yang berlainan dapat berhubung hanya menggunakan kemudahan telefon, faks dan surat untuk berkomunikasi. Kini, telefon bimbit merupakan salah satu teknologi telekomunikasi canggih yang memudahkan perhubungan antara manusia. Hal demikian menunjukkan manusia amat menitikberatkan bidang komunikasi.

Seiler dan Beall(1998) mendefinisikan komunikasi ialah proses penukaran maklumat, pemikiran dan idea, penyampaian melalui ucapan atau penulisan atau satu dokumen yang dapat memberikan maklumat atau pendapat. Dalam proses komunikasi, maklumat daripada seseorang individu atau kumpulan dapat dikirim kepada individu yang lain atau kumpulan yang lain. Ini membolehkan semua pihak saling mengumpul idea dan saling memahami semasa proses komunikasi. Mengikut French dalam Zullkifli Yusof(2000), komunikasi adalah satu usaha mewujudkan saling memahami dalam media orang lain. Jadi, komunikasi yang berkesan hanya berlaku apabila mesej yang disampaikan itu dapat difahami oleh penerima.

Dalam sesebuah organisasi, komunikasi merupakan nadinya kerana komunikasi melibatkan proses mengirim maklumat daripada seseorang individu atau kumpulan kepada individu atau kumpulan yang lain. Sekiranya terdapat gangguan dalam proses komunikasi, mesej yang ingin disampaikan adalah berlainan dengan mesej yang diterima. Ini seterusnya menjejaskan pelaksanaan sesuatu kerja. Di samping itu, setiap individu menggunakan jenis komunikasi yang berbeza seperti komunikasi lisan dan komunikasi isyarat, apabila berinteraksi antara satu sama lain dalam situasi yang berlainan.

Komunikasi boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat, iaitu komunikasi interperibadi, komunikasi kumpulan dan komunikasi organisasi. Komunikasi interperibadi berlaku apabila proses komunikasi melibatkan lebih daripada seorang individu. Apabila manusia berkomunikasi dalam sebuah mesyuarat yang melibatkan bilangan individu sebanyak 21 orang jenis komunikasi yang terlibat ialah komunikasi kumpulan kecil (Hashim Fauzy Yaacob,2001). Dalam proses komunikasi berkumpulan, ahli-ahli kumpulan saling berinteraksi, berkongsi maklumat, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

Apabila sekumpulan kecil manusia melakukan proses komunikasi secara formal dalam sesebuah organisasi jenis komunikasi yang terlibat dikenali sebagai komunikasi organisasi. Menurut Goldhaber (1990) komunikasi yang berlaku dalam sesebuah organisasi merupakan satu proses pembentukan dan pertukaran maklumat dalam jaringan perhubungan yang bergantung antara satu sama lain untuk menangani ketidakpastian dalam jaringan hubungan.

Dalam usaha mencapai matlamat sesebuah organisasi, setiap peringkat komunikasi adalah penting dan saling hubung kait dalam sesebuah organisasi. Menurut Jaafar Muhammad(1992), tanpa komunikasi, organisasi tidak dapat berfungsi dengan berkesan pada semua peringkat sama ada peringkat antara peribadi, antara kumpulan dan juga organisasi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam pasukan kerja, juru ukur tanah merupakan seorang ketua manakala ahli pasukan terdiri daripada beberapa orang juru teknik. Pasukan ini ditubuhkan adalah hasil daripada arahan organisasi, iaitu firma ukur tanah. Biasanya, terdapat 3 hingga 4 orang ahli dalam sesebuah pasukan. Ahli dalam pasukan kerja bertanggungjawab untuk melaksanakan sesuatu kerja luar ukur dalam sesebuah firma ukur tanah (Pace and Faules, 1994). Juru teknik-juru teknik yang terdapat dalam pasukan kerja ukur bertindak sebagai ahli pasukan (pengikut).

Faktor kemahiran berkomunikasi memberikan pengaruh kepada keberkesanan pelaksanaan kerja ukur. Matlamat komunikasi dalam pasukan kerja ialah supaya ahli dalam kumpulan dapat mencapai *consensus* untuk mencari penyelesaian dan membuat keputusan (Hashim Fauzy Yaacob, 2001). Juru ukur tanah akan menentukan cara penyelesaian yang berkesan untuk sesuatu kerja ukur. Seterusnya juru ukur tanah akan mengarahkan pengikutnya untuk melaksanakan kerja ukur. Walau bagaimanapun, juru ukur tanah masih perlu memberitahu pengikutnya tindakan yang perlu dilakukan sebelum sesuatu kerja bermula. Tujuannya adalah supaya pengikutnya memahami kehendak dan keperluan juru ukur tanah terhadap jenis projek yang diamanah kepadanya dan menjamin kelicinan pelaksanaan kerja pengumpulan data di lapangan. Hal demikian juga memupuk persefahaman wujud di antara ahli kumpulan dengan juru ukur tanah.

Setelah juru ukur tanah mengumpulkan data ukur di lapangan, data tersebut perlu dikemaskini, dihitung dan disemak. Selepas itu, data-data tersebut perlu dihantar ke bahagian pemprosesan pelan. Pelukis pelan menghasilkan pelan-pelan ukur berdasarkan data-data yang dikumpulkan oleh juru ukur tanah. Juru ukur tanah perlu berhubung dengan pelukis pelan untuk urusan-urusan tertentu seperti menentukan tempoh untuk menyiapkan pelan. Kemudian juru ukur tanah menghantarkan kerjanya kepada pihak atasan. Pihak atasan pula menyemak buku kerja luar dan pelan-pelan tersebut. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan, pelan-pelan tersebut memberikan maklumat yang salah kepada pengguna. Ini akan menjejaskan reputasi juru ukur tanah dan juga firma ukur.

Mengikut Davies(1996), sebagai seorang jurutera, kualiti pencapaian, sumbangan kepada bidang kejuruteraan, status dan reputasi profesion adalah bergantung kepada komunikasi yang baik. Sebagai juru ukur tanah yang professional, dia memerlukan kemahiran berkomunikasi yang baik untuk meningkatkan pencapaiannya dan kualiti perkhidmatannya dari masa ke masa.

1.3 **Penyataan Masalah**

Kemahiran berkomunikasi amat diperlukan oleh seseorang juru ukur tanah. Ketika juru ukur tanah bekerja dalam bentuk berpasukan, mereka perlu berkomunikasi dengan pengikutnya untuk tujuan seperti membuat sesuatu keputusan dan menyelesaikan sesuatu masalah. Juru ukur tanah juga perlu berkomunikasi dengan pihak atasan untuk melaporkan perkembangan pelaksanaan kerja atau hasil kerja mereka. Juru ukur tanah perlu berhubung dengan rakan sekerja untuk menjalinkan hubungan mesra. Di samping itu, juru ukur tanah juga perlu berhubung dengan pelanggan untuk berbincang dan memahami kehendak pelanggan.

Mengikut Brian Coutts, seorang pensyarah di Universiti of Otago(2001), seorang juru ukur tanah yang professional bukan berupaya untuk berkomunikasi dengan golongan professional yang lain sahaja, tetapi juga berkemampuan untuk berkomunikasi dengan segala lapisan masyarakat. Lapisan masyarakat yang dinyatakan merujuk kepada sekumpulan manusia yang terdiri daripada tahap pendidikan, budaya dan tahap kecerdikan yang berlainan, contohnya ahli politik tempatan dan penduduk kampung. Juru ukur tanah seharusnya menguasai kemahiran berkomunikasi yang baik ketika berurusan dengan mereka. Tujuannya adalah supaya mesej yang ingin disampaikan diterima oleh penerima dengan jelas dan efektif.

Menurut Wood dalam thesis Wong Yat Fun (2000), dalam proses temuduga, seorang majikan akan menerima seseorang pekerja yang dapat berkomunikasi dengan berkesan walaupun pekerja ini kurang mahir dalam bidang teknikal dengan pekerja yang mahir di dalam bidang teknikal tetapi kemahiran komunikasinya kurang berkesan.

Jadi kajian ini dilakukan untuk meninjau sejauh manakah bentuk dan cara komunikasi yang diperlukan oleh juru ukur tanah, sejauh manakah kemahiran berkomunikasi memberikan kesan terhadap profesion ukur dan hubungan antara latar belakang juru ukur tanah dengan kemahiran berkomunikasi juru ukur tanah. Seterusnya, satu modul komunikasi dihasilkan untuk membantu juru ukur tanah menjalinkan hubungan yang baik dengan pengurus, ahli pasukan, rakan kerja setaraf dan pelanggan.

1.4 Soalan Kajian

Untuk mencapai tujuan kajian, maka jawapan bagi persoalan kajian berikut harus diperolehi.

- a) Apakah bentuk komunikasi yang diamalkan oleh juru ukur tanah untuk berkomunikasi dengan dengan orang atasan, ahli pasukan kerja, rakan kerja setaraf dan pelanggan?
- b) Apakah cara yang digunakan oleh juru ukur tanah untuk berkomunikasi dengan dengan orang atasan, ahli pasukan kerja, rakan kerja setaraf dan pelanggan?
- c) Apakah kesan daripada masalah berkomunikasi juru ukur tanah dengan pihak atasan, ahli pasukan, rakan kerja setaraf dan pelanggan?
- d) Adakah faktor demografi dan kemahiran komunikasi saling kaitan dalam profesion ukur tanah?

1.5 Objektif kajian

Tujuan kajian ini dijalankan ialah seperti berikut:

- a) Mengenal pasti bentuk komunikasi yang diamalkan oleh juru ukur tanah untuk berkomunikasi dengan orang atasan, ahli pasukan kerja, rakan kerja setaraf dan pelanggan.
- b) Mengenal pasti cara yang digunakan oleh juru ukur tanah untuk berkomunikasi dengan orang atasan, ahli pasukan kerja, rakan kerja setaraf dan pelanggan.

- c) Meninjau kesan daripada kegagalan berkomunikasi juru ukur tanah dengan ahli pasukan kerja, rakan kerja setaraf dan pelanggan.
- d) Menentukan sama ada wujudnya korelasi antara faktor demografi dan kemahiran berkomunikasi dalam profesion ukur tanah.
 - Ho: Tidak terdapat hubungan positif antara faktor demografi dan kemahiran berkomunikasi dalam profesion ukur tanah
- e) Menghasilkan modul komunikasi juru ukur tanah.

1.6 Skop Kajian:

Kajian ini dijalankan terhadap profesion ukur tanah di sekitar Negeri Johor sahaja. Di firma ukur tanah, juru ukur tanah memainkan beberapa watak dalam situasi yang berlainan, iaitu ketua pasukan, subordinat dan rakan sekerja. Proses komunikasi amat penting dan diperlukan oleh juru ukur tanah untuk berinteraksi dengan orang atasan, orang bawahan, rakan sekerja setaraf dan pelanggan. Sampel bagi kajian ini ialah 12 firma ukur tanah di Negeri Johor.

1.7 Kepentingan Kajian

- a) Menghasilkan satu modul komunikasi bagi juru ukur tanah dan para pelajar Politeknik lulusan Sijil atau Diploma Ukur Tanah.
- b) Membantu juru ukur tanah dan pelajar Politeknik lulusan Sijil atau Diploma Ukur Tanah memperbaiki kemahiran berkomunikasi apabila menyertai profesion ukur tanah.
- c) Menjadi rujukan kepada juru ukur tanah dan pelajar Politeknik lulusan Sijil atau Diploma Ukur Tanah supaya lebih bersiap-sedia untuk menghadapi alam perkerjaan dengan yakin.

d) Juru Ukur Tanah

Juru ukur tanah ialah seseorang profesional yang terlibat dalam penyusunan pendaftaran hartanah dan menyelesaikan hal-hal tentang hakmilik yang berkaitan. Juru ukur tanah juga membaca, merancang dan bertanggungjawab ke atas hal-hal pembangunan tanah dan perancangan bandar dan negara. Tambahan lagi, dia juga menguruskan aspek teknikal, undang-undang, ekonomi, pertanian dan sosial seperti yang telah disebutkan tadi (Cormac, 1985).

Dalam konteks kajian, juru ukur tanah merupakan seorang yang berpengalaman, pakar dalam profesion ukur tanah, dan mempunyai kelayakan akademik seperti Sijil Ukur Tanah, Diploma Ukur Tanah dan Sarjana Ukur Tanah. Tambahan lagi, juru ukur tanah juga mampu menggunakan bentuk kemahiran komunikasi dan cara komunikasi yang sesuai untuk berhubung dengan orang atasan, ahli pasukan, rakan kerja setaraf dan pelanggan.